

03 SEP 1996
MNLF-Malaysia
MNLF MINTA TERUS BANTU UMAT ISLAM FILIPINA

Oleh: Sulaiman Jaafar

MANILA, 3 Sept (Bernama) -- Pengasas bersama Barisan Kebangsaan Pembebasan Moro (MNLF) Datu Haji Abul Khayr Alonto meminta Malaysia dan negara Islam lain membantu membangunkan Filipina Selatan berikutan perjanjian damai yang ditandatangani antara pertubuhan itu dan kerajaan Filipina di sini semalam.

Haji Abul Khayr mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana sokongan berterusan Malaysia kepada masyarakat Islam di Selatan Filipina.

Beliau berkata perjanjian damai yang ditandatangani Pengerusi MNLF Nur Misuari dengan kerajaan republik itu membuka era baru bagi pembangunan dan peningkatan ekonomi para penduduk di kawasan itu.

Haji Abul Khayr bersama Nur Misuari dan Selamat Hashim, yang kini memimpin pertubuhan serpihan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF), menubuhkan MNLF pada tahun 1971 bagi memperjuangkan nasib umat Islam Filipina Selatan.

"Umat Islam di sini mengharapkan pelaburan daripada saudara mereka di Malaysia dan negara Pertubuhan Persidangan Islam yang lain bagi membantu kawasan mereka yang terbiar selama ini," katanya pada makan malam bagi meraikan lawatan Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad di sini malam tadi.

Haji Abul Khayr yang kini Pengerusi syarikat Continental Pacific Star Inc., yang menjalankan beberapa projek usahasama dengan syarikat Terengganu, Kemaman Terminal One Sdn Bhd, di republik itu menegaskan, masyarakat Islam Filipina memandang tinggi kepada Malaysia dan Dr Mahathir.

Katanya selain daripada pelaburan, mereka berharap Malaysia dapat membantu menubuhkan sebuah bank Islam di negara itu, memandangkan pengalaman luas negara dalam bidang itu.

"Umat Islam di sini kini menghadapi masalah untuk mendapatkan pinjaman, lebih-lebih lagi yang membabitkan riba," kata beliau.

Katanya wilayah Filipina Selatan mempunyai pelbagai sumber bumi yang tidak diterokai selama ini, yang boleh dimajukan pelabur.

"Kemasukan pelabur luar akan dapat membantu meningkatkan pembangunan serta menyediakan pekerjaan kepada penduduk tempatan," kata Haji Abul Khayr.

Sementara itu, Wan Mokhtar dalam ucapannya berkata Mindanao mempunyai potensi yang luas untuk berkembang berikutan perjanjian yang menamatkan persengketaan lebih dua dekad itu.

Katanya kerajaan negeri melalau anak-anak syarikatnya dan pihak swasta Malaysia sedia membuka jalan dan membantu bagi pembangunan wilayah itu.

Beliau menegaskan pengalaman negeri itu lebih 25 tahun dalam industri perladangan boleh digunakan bagi menjadikan Filipina Selatan sebagai pusat baru bagi pengeluaran minyak sawit.

Wan Mokhtar berkata dua anak syarikat Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu -- Kumpulan Ladang-ladang Terengganu dan Gabungan Kuari Sdn Bhd -- sedang mengenal pasti kawasan yang sesuai bagi tujuan pelaburan.

Wan Mokhtar yang berada di Filipina selama dua hari juga mengunjungi wilayah Cavite, di selatan Manila petang semalam.

Pada satu majlis di Pejabat Gabenor, beliau juga dianugerah kunci wilayah dan diterima sebagai warga kehormat wilayah itu oleh Gabernornya Epimaco A.Velasco.

Wilayah Cavite yang merupakan sebuah kawasan perindustrian dan

pelancongan utama di Pulau Luzon juga dijadikan negeri kembar dengan
Terengganu. -- BERNAMA
SBJ NMO